

# Pindaan Akta Audit 1957 beri impak positif urus wang awam

Kerajaan Akhbar BH

Tarikh ~~26/7/2024~~

Pindaan Akta Audit 1957 akan memberi impak positif melalui skop pengauditan terhadap pengurusan wang awam, di samping memastikan syor audit sentiasa diberi perhatian serius dan diambil tindakan sewajarnya oleh semua pihak sama ada kementerian, jabatan, agensi kerajaan serta mana-mana badan, termasuk syarikat yang menerima wang awam.

Jabatan Audit Negara dalam kenyataan semalam, berkata Akta Audit 1957 (Akta 62) sedia ada tidak dipinda sejak 1991 dan perlu diperkasakan selaras dengan perkembangan terkini yang menyentuh aspek tatakelola dan pengurusan wang awam.

Katanya, ia bertujuan memperkasakan peranan Ketua Audit Negara dalam memastikan fungsi semak dan imbang melalui tiga pengauditan utama, iaitu pengauditan penyata kewangan, pengauditan prestasi program atau aktiviti kementerian/jabatan/agensi kerajaan serta pengauditan pengurusan syarikat kerajaan.

“Pindaan Akta 62 membabitkan lima prinsip pindaan berkaitan pewujudan peruntukan baharu serta pindaan kepada peruntukan sedia ada seperti pengauditan badan lain, termasuk syarikat di mana kerajaan mempunyai kepentingan dalam bentuk jaminan kewangan.

“Selain itu, pengauditan melalui pendekatan *Follow The Public Money Audit*, tertakluk kepada Menteri Kewangan atas dasar kepentingan awam.

“Seterusnya, mewujudkan suatu peruntukan baharu mengenai kuasa Ketua Audit Negara untuk mengeluarkan apa-apa garis panduan yang perlu dan sesuai manfaat bagi menjalankan peruntukan Akta 62,” katanya.

Selain itu, katanya, antara prinsip pindaan terbabit juga termasuk kuasa Ketua Audit Negara untuk membuat syor menangani apa-apa ketakteraturan serius yang berlaku dalam pengakaunan atau penjagaan wang awam atau simpanan awam di bawah pengauditanya.

“Selain itu, memperluaskan kuasa Ketua Audit Negara untuk melaksanakan susulan audit terhadap apa-apa syor, ulasan atau pandangan yang diberikan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) dan tindakan yang diambil oleh Persekutuan, negeri, pihak berkuasa awam atau badan yang ditentukan,” katanya.

RUU Audit (Pindaan) 2024 bertujuan mengukuhkan akta melalui peruntukan baharu selaras dengan keperluan kehendak semasa dan peluasan bidang tugas Ketua Audit Negara, diluluskan di Dewan Negara, kelmarin.